Perutusan Gabenor

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Tempoh sedekad yang lalu menyaksikan pertumbuhan pesat dalam jumlah urus niaga kewangan, pasaran kewangan yang semakin kompleks, dan ekonomi global yang lebih berhubung kait. Perkembangan ini telah menyebabkan kemungkinan sistem kewangan lebih terdedah dan menghadapi lebih risiko dari segi kestabilan. Sebagai sebahagian daripada mandat terasnya, Bank Negara Malaysia bertanggungjawab menggalakkan sistem kewangan yang kukuh dan efisien sebagai asas kepada kestabilan kewangan negara. Sistem sedemikian bercirikan kemampuan berdaya tahan mengharungi kitaran ekonomi, lantas menjadi penampan kepada gangguan yang keterlaluan terhadap proses pengantaraan di samping mengekalkan keyakinan terhadap sistem kewangan. Bank Negara Malaysia melaksanakan tanggungjawab ini dengan mengekalkan keutuhan institusi kewangan dan infrastruktur kewangan. Matlamat ini dicapai terutamanya menerusi pengawalan dan penyeliaan institusi kewangan berlesen, dengan memastikan sistem pembayaran dan penyelesaian utama terus andal, serta menyumbang secara aktif kepada pembangunan pasaran kewangan yang cekap.

Terbitan sulung Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran ini menunjukkan usaha berterusan Bank Negara Malaysia untuk meningkatkan pemahaman tentang isu dan perkembangan yang mempengaruhi kestabilan sistem kewangan. Laporan ini merangkumi penilaian Bank terhadap risiko dan trend penting dalam sistem kewangan yang berpunca daripada perkembangan dalam dan luar negeri, serta kesan kemungkinannya terhadap sistem kewangan. Laporan ini juga meliputi perkembangan berkaitan transformasi sektor kewangan di Malaysia, termasuk perkembangan keinstitusian, pasaran kewangan, dan sistem pembayaran dan penyelesaian dalam pasaran kewangan dan runcit. Dengan bertambahnya pengetahuan tentang maklumat yang berkaitan berhubung dengan aspek penting bagi mengekalkan kestabilan kewangan, diharapkan institusi kewangan, peserta pasaran, perusahaan perniagaan dan isi rumah akan berupaya mengenal pasti risiko dan keadaan mudah terjejasnya, dan membuat persediaan dengan lebih baik untuk menghadapi dan mengurus risiko ini, dan dengan itu membantu pelarasan dalam sistem kewangan secara teratur.

Sistem kewangan Malaysia terus bertambah kukuh pada tahun 2006. Keadaan ini dicapai melalui penstrukturan semula, konsolidasi, rasionalisasi, peningkatan pelaburan teknologi, serta peningkatan tadbir urus dan amalan pengurusan risiko yang berterusan. Aktiviti pembiayaan serta pembabitan institusi perbankan yang meningkat baru-baru ini dalam aktiviti perbendaharaan dan aktiviti berkaitan pelaburan, disokong dengan baik oleh keupayaan pengurusan risiko yang lebih kukuh. Keadaan ini dicerminkan oleh keberuntungan institusi perbankan yang mampan dan berlanjutan, serta peningkatan kualiti aset yang berterusan. Penanggung insurans dan pengendali takaful juga terus mencatat keuntungan, disokong oleh disiplin amalan pemeruntukan dan pengunderaitan yang lebih baik. Meskipun adakalanya pasaran kewangan mengalami turun naik, namun, secara amnya, institusi kewangan telah menampakkan kemampuan dan daya tahan untuk

menangani kesannya. Sistem pembayaran yang penting secara sistemik juga tidak mengalami apa-apa gangguan. Pelaksanaan infrastruktur Pembayaran semasa Pembayaran (*Payment versus Payment*) dengan kerjasama Hong Kong Monetary Authority merupakan antara penambahbaikan berterusan yang dilaksanakan dalam sistem pembayaran, yang mengurangkan lagi risiko penyelesaian bagi urus niaga pertukaran mata wang asing dalam ringgit dan dolar Amerika Syarikat.

Pelarasan struktur selanjutnya terus membentuk sistem kewangan di Malaysia, dan ini mempertingkatkan kapasiti sistem kewangan untuk memenuhi keperluan ekonomi yang berubah-ubah. Pada tahun 2006, rangka kerja perbankan pelaburan berjaya dilaksanakan berikutan penggabungan perniagaan teras bank saudagar, syarikat broker saham dan syarikat diskaun. Sistem pengagihan produk runcit juga terus mengalami perubahan ekoran tekanan persaingan yang meningkat, kemajuan teknologi dan pembaharuan pengawalseliaan. Keadaan ini menghasilkan penyampaian perkhidmatan kewangan yang lebih cekap, dengan pilihan produk dan perkhidmatan kewangan yang lebih pelbagai bagi pengguna dan perusahaan perniagaan. Langkah konsolidasi yang seterusnya dalam sektor perbankan dan insurans, serta pelaburan teknologi yang meningkat, turut memperkukuh kemampuan keinstitusian bank dan penanggung insurans untuk menghadapi persaingan yang meningkat dan persekitaran operasi yang lebih mencabar.

Struktur kewangan yang lebih kepelbagaian juga sudah terhasil. Kemajuan dalam pembangunan pasaran bon merupakan penambahbaikan penting terhadap struktur sistem kewangan, yang bukan sahaja telah mengurangkan risiko akibat terlalu bergantung pada sistem perbankan, malah membantu mempertingkatkan kecekapan dan fleksibiliti pengurusan kewangan dalam sistem ini. Kini, pasaran sekuriti hutang Malaysia adalah antara yang termaju di rantau ini. Bahagian jumlah pembiayaan sektor swasta yang diperoleh menerusi pasaran bon meningkat lebih sekali ganda sejak sedekad yang lalu dengan wujudnya pasaran bon yang lebih mendalam, lebih luas dan lebih cekap. Inovasi berterusan dan persekitaran yang menyokong pasaran bon korporat meningkatkan akses kepada pasaran modal sebagai sumber pembiayaan alternatif bagi perniagaan dalam pelbagai sektor ekonomi, dan lantas meningkatkan lagi kepelbagaian sumber pembiayaan bagi ekonomi.

Matlamat dasar pengawalseliaan masih tertumpu pada usaha meningkatkan kecekapan sistem kewangan. Ini termasuk langkah dasar bagi membendung kenaikan kos ekonomi dengan peredaran masa, dan dengan itu meningkatkan ketangkasan institusi kewangan bagi menyesuaikan diri dengan berkesan terhadap keadaan yang berubah-ubah, terutamanya sewaktu menghadapi tekanan. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia terus melaksanakan pelbagai langkah penyahkawalseliaan yang progresif, sebagai pelengkap kepada pelarasan struktur yang berlaku dalam sistem kewangan, untuk menggalakkan peningkatan kecekapan operasi dan sumber. Langkah-langkah tersebut termasuk penambahan fleksibiliti pengurusan, pelaburan dan operasi, yang menyediakan lebih peluang untuk meningkatkan kecekapan modal, berinovasi, membaiki prestasi dan mempelbagaikan risiko. Hasilnya, beberapa penunjuk kecekapan sistem

kewangan yang utama menampakkan peningkatan yang ketara. Langkah yang dilaksanakan untuk meningkatkan kecekapan sistem pembayaran juga telah meluaskan akses kepada produk dan perkhidmatan pembayaran, selain mempercepat proses penjelasan dan penyelesaian. Yang penting, dalam persekitaran yang mempunyai lebih kefleksibelan sebegini, pemantauan penyeliaan yang lebih rapi dilaksanakan untuk memastikan institusi kewangan terus menguruskan risiko dengan berhemat. Melangkah ke hadapan, Bank Negara Malaysia akan mengambil pendekatan pengawalseliaan yang dibeza-bezakan mengikut keupayaan institusi untuk mengurus risiko dengan berkesan dalam persekitaran yang semakin dinyahkawal selia.

Kesemua perkembangan ini menunjukkan wujudnya asas yang lebih kukuh bagi sistem kewangan menghadapi tempoh tekanan kewangan dengan berkesan. Memandangkan sistem kewangan yang berada pada asas yang lebih kukuh, ini meningkatkan prospek bagi ekonomi untuk merealisasikan manfaat bersih daripada langkah liberalisasi yang progresif. Pengintegrasian Malaysia dengan ekonomi global yang berterusan kekal penting bagi menjana peluang baru bagi perusahaan di Malaysia, di samping meningkatkan akses kepada produk dan perkhidmatan kewangan yang kompetitif bagi syarikat perniagaan dan pengguna di Malaysia. Satu pertimbangan penting dalam proses liberalisasi ialah manfaat yang diperoleh perlu berpadanan dengan pertambahan risiko berkaitan liberalisasi. Tidak kurang pentingnya ialah ketersediaan prasyarat bagi membolehkan sistem kewangan menyesuaikan diri dengan sebarang perubahan secara cekap dan berkesan. Oleh itu, Bank Negara Malaysia akan terus mengambil pendekatan yang beransur-ansur dan progresif dalam meliberalisasikan sektor kewangan yang bertujuan memperkukuh hubung kait Malaysia dengan ekonomi global, di samping memelihara kestabilan kewangan.

Peningkatan ketara dalam kapasiti institusi kewangan domestik meletakkan mereka dalam kedudukan yang kukuh untuk menghadapi persaingan yang lebih mencabar ekoran pasaran yang lebih terbuka, serta pengguna dan pelabur yang semakin memilih. Sesungguhnya, berlandaskan asas yang kukuh, penerapan amalan terbaik pengurusan risiko dan standard perkhidmatan ke dalam sistem kewangan domestik dijangka mempercepat lagi peningkatan prestasi institusi kewangan domestik. Semua keadaan ini membolehkan pelaksanaan beberapa lagi langkah liberalisasi dalam sektor kewangan. Liberalisasi ini lebih ketara dalam bidang aktiviti baru termasuk dalam perbankan pelaburan, insurans dan sektor kewangan Islam. Dalam sektor kewangan Islam, beberapa lesen perbankan Islam dan takaful baru telah dikeluarkan, manakala tahap kepentingan asing yang dibenarkan dalam sektor perbankan pelaburan, insurans dan kewangan Islam telah dinaikkan. Di samping itu, dasar pembukaan cawangan bagi bank milik asing yang diperbadankan di Malaysia turut dilonggarkan. Peraturan pentadbiran pertukaran asing juga terus dilonggarkan.

Ekoran kehadiran dan penyertaan pihak asing dalam sistem kewangan Islam di Malaysia yang meningkat, beberapa langkah lanjutan diumumkan pada tahun 2006 untuk mempertingkatkan daya saing sistem tersebut, termasuk memastikan bekalan tenaga mahir dan kepakaran yang mencukupi. Semua ini bertujuan untuk meletakkan Malaysia sebagai pusat pengantaraan kewangan Islam utama dalam pasaran global, lantas mempercepat integrasi sistem kewangan

Islam domestik dengan sistem antarabangsa. Seterusnya, pertumbuhan dalam pelaburan dan aliran perdagangan antara rantau serta hubung kait dengan sistem kewangan yang lain yang dihasilkan, dijangka mendalamkan lagi integrasi sistem kewangan yang lebih meluas dan ekonomi Malaysia dengan ekonomi global.

Namun begitu, sebagai sebuah ekonomi yang kecil dan terbuka, risiko dari segi global menjadi semakin ketara dengan meningkatnya hubung kait antarabangsa. Sumber potensi risiko kontagion daripada perkembangan global sebahagian besarnya berpunca daripada aliran modal yang turun naik yang boleh memberi kesan buruk pada pasaran kewangan domestik. Keputusan ujian ketahanan makro dan mikro menunjukkan sistem kewangan negara berupaya menangani risiko-risiko ini. Di samping itu, perlindungan yang diperkukuh – termasuk rangka kerja pengawalan dan penyeliaan yang lebih mantap dan berasaskan risiko, penekanan yang lebih terhadap pengurusan krisis dan kesinambungan perniagaan, dan penambahbaikan rangka kerja keinstitusian perlindungan pengguna yang berterusan – akan dapat mengurangkan kesan risiko yang dikenal pasti dan mengelakkan kemungkinan yang mengakibatkan gangguan terhadap proses pengantaraan kewangan.

Bank Negara Malaysia terus menguntukkan sumber yang banyak ke arah membentuk proses pengawasan yang mantap, yang penting bagi mengenal pasti dan mengurus risiko dalam sistem kewangan dengan berkesan. Pendekatan yang diambil terhadap pengawasan kewangan terus diperkukuh dan diperhalus dengan penubuhan Jabatan Pemantauan dan Pengawasan Kewangan pada bulan November 2006. Pelbagai faktor yang mencetus perubahan ini, yang merupakan sebahagian daripada usaha yang lebih besar pada tahun 2006 untuk menjajar semula fungsi pengawalan dan penyeliaan selaras dengan pendekatan yang lebih bersepadu, akan memupuk orientasi pengawasan berhemat makro yang lebih kukuh dari segi mengenal pasti kelemahan dan menentukur metodologi penilaian. Penggunaan analisis senario dan pendekatan ujian ketahanan yang lebih berkesan juga membantu dalam membuat penilaian masa hadapan yang lebih mantap. Pada masa yang sama, usaha diteruskan untuk membangunkan rangka kerja ujian ketahanan makro dan sistem amaran awal yang lebih baik. Penambahbaikan ini dapat membantu mengenal pasti dengan awal ancaman terhadap kestabilan kewangan yang sedang muncul, seterusnya membolehkan Bank memantau dan menilai dengan lebih baik hubung kait yang semakin kompleks yang dikaitkan dengan aliran dana antarabangsa merentas sempadan, serta hubung kait antara sektor kewangan, sektor korporat, pasaran kewangan dan makroekonomi.

Usaha untuk memupuk kestabilan kewangan di peringkat serantau juga dipertingkatkan dengan sempurnanya laporan oleh Pasukan Petugas bagi Kerjasama Kewangan Serantau. Laporan tersebut merupakan keutamaan yang penting dalam pelan hala tuju yang menentukan haluan strategik masa depan bagi kerjasama kewangan antara bank pusat di rantau ini. Sementara rantau ini mengorak langkah ke hadapan dengan melaksanakan cadangan Pasukan Petugas, penekanan akan diberikan pada usaha memperkukuh peraturan keinstitusian serantau dan menubuhkan mekanisme serantau dalam bidang pemantauan dan pengurusan risiko, pembangunan dan

integrasi pasaran kewangan, pengurusan dan penyelesaian krisis, bina upaya, perkongsian maklumat dan komunikasi. Tumpuan kerjasama dalam semua bidang ini dianggap penting untuk mencapai matlamat utama iaitu menggalakkan kestabilan makroekonomi dan kewangan di rantau ini, dan mencapai pertumbuhan dan kemakmuran serantau yang saling memperkukuh. Pada masa yang sama, Bank Negara Malaysia akan terus menjalin hubungan erat dengan pihak berkuasa penyeliaan yang lain untuk mempertingkatkan kerjasama merentas sempadan dalam penyeliaan institusi kewangan yang aktif di peringkat antarabangsa.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk mempertingkatkan keberkesanan fungsi pengantaraan kewangan, Bank Negara Malaysia terus memberikan keutamaan pada usaha meningkatkan penyertaan kewangan. Matlamat utama usaha ini adalah untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan kewangan dan juga akses kepada pembiayaan bagi semua lapisan masyarakat. Ini turut membabitkan usaha meningkatkan keupayaan rakyat Malaysia membuat keputusan kewangan yang berkesan dan mengurus kewangan mereka. Akses kepada pembiayaan bagi semua sektor ekonomi, termasuk perusahaan kecil dan sederhana, terus bertambah baik dengan ketara pada tahun 2006. Inisiatif strategik untuk memperkenalkan dan melaksanakan rangka kerja keinstitusian mikrokewangan akan meningkatkan lagi akses kepada pembiayaan bagi perusahaan mikro.

Usaha berterusan untuk meningkatkan tahap celik kewangan juga menjadikan lebih ramai individu berupaya membuat pilihan kewangan dengan wajar. Bank Negara Malaysia terus memanfaatkan platform pendidikan pengguna yang dilancarkan pada tahun 2003 untuk meningkatkan jangkauan dan liputan inisiatif pendidikan pengguna. Langkah ini diperkukuh oleh peningkatan ketara dalam standard pengawalseliaan yang diperkenalkan Bank berhubung dengan penzahiran dan penjualan mengikut keperluan, yang bertujuan memastikan pengguna mendapat nasihat yang wajar, dan memahami sepenuhnya segala risiko berkaitan urus niaga kewangan mereka. Usaha ini menyokong keupayaan pengguna agar lebih bertanggungjawab secara individu dalam merancang kewangan dengan baik dan membuat keputusan kewangan dengan yakin, yang seterusnya akan menyumbang kepada kestabilan kewangan menerusi pengagihan sumber dan risiko yang lebih cekap di dalam dan melalui sistem kewangan.

Langkah berjaga-jaga akan terus dilaksanakan meskipun prospek pertumbuhan keseluruhan pada tahun 2007 kekal positif dan keteguhan sektor kewangan turut meningkatkan prospek kemampanan kestabilan kewangan. Menerusi fungsi penyeliaan dan pengawasannya, Bank Negara Malaysia akan terus memantau aktiviti pengambilan risiko oleh institusi kewangan dengan teliti. Masih banyak usaha yang perlu dijalankan bagi membangunkan standard kehematan yang pada dasarnya berupaya diterapkan kepada institusi yang mempunyai tahap kekompleksan dan kepelbagaian yang berbeza-beza. Pada masa yang sama, rangka kerja pengawalseliaan sedia ada akan terus dipertingkatkan untuk menetapkan dengan jelas kehendak penyeliaan Bank tentang pengurusan risiko yang baru dan sedang muncul oleh institusi kewangan, serta memperkukuh

asas bagi melakukan penilaian kecukupan modal yang lebih mantap. Keupayaan dalaman Bank diperkukuh secara berterusan untuk meningkatkan kualiti penilaian penyeliaan sebagai prasyarat yang penting bagi pelarasan pengawalseliaan pada masa hadapan untuk mencerminkan realiti pasaran yang berubah-ubah.

Cabaran utama institusi kewangan adalah untuk terus mendukung standard pengurusan risiko yang utuh dalam menghadapi persaingan dan tekanan atas margin yang meningkat dalam persekitaran yang terus berubah. Yang lebih penting, institusi kewangan perlu mengamalkan disiplin untuk melaksanakan penilaian risiko jangka panjang dan terus meningkatkan pelaburan mereka dalam keupayaan pengurusan risiko yang berpadanan. Pelaburan sedemikian pasti terbukti mempunyai justifikasi memandangkan keupayaan yang lebih maju akan membolehkan institusi kewangan mara ke hadapan, bukan setakat dapat mematuhi pengawalseliaan, malah berupaya merumus strategi menambah nilai berkaitan pengurusan sumber dan modal ekonomi. Sesungguhnya, matlamat kestabilan kewangan dan matlamat pewujudan nilai yang mampan adalah saling berkait rapat.



Zeti Akhtar Aziz
Gabenor

21 Mac 2007